

1. 1MDB: Arul Kanda beri keterangan kepada PAC

PRESIDEN dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KUALA LUMPUR: Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Arul Kanda, hadir untuk prosiding buat kali pertama bagi memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Beliau tiba kira-kira jam 10.23 pagi di Parlimen, di sini, sebentar tadi bagi menjelaskan isu berkaitan syarikat pelaburan strategik negara itu dalam prosiding yang turut dihadiri Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin.

"Ya, kami sudah bersedia untuk prosiding," kata Arul Kanda ringkas sambil tersenyum di dalam bilik sidang media sebelum prosiding bermula.

Sidang media dijangka diadakan jam 2 petang ini.

Sebelum ini dilaporkan, Arul Kanda telah dipanggil PAC sebanyak dua kali iaitu pada Mei dan Ogos untuk memberi keterangan berkaitan syarikat berkenaan namun beliau gagal menghadirkan diri.

Beliau hadir selepas PAC mendengar keterangan daripada bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi, semalam.

Hasan dilapor sebagai berkata Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1MDB dijangka dibentangkan kepada pihaknya pada 17 Disember ini.

Beliau berkata pihaknya juga akan memanggil Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin untuk memberi keterangan kepada PAC selepas mendengar Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

Oleh yang demikian, katanya, laporan lengkap 1MDB dijangka siap sepenuhnya oleh PAC pada Mac 2016.



Selasa, 1 Disember 2015

2. Penjualan aset tenaga 1MDB tidak beri impak pada pasaran - Zeti



GABENOR Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berucap pada Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Iclif Asia 2015 di Sasana Kijang, Bank Negara. - Foto Salhani Ibrahim

KUALA LUMPUR: Tindakan 1Malaysia Development Bhd menjual aset tenaganya kepada firma China, tidak akan memberi sebarang impak pada pasaran, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Ini tegasnya, berikutan sistem kewangan negara yang sememangnya luas.

"Pasaran tukaran asing kita juga besar. Setakat ini, berdasarkan pemantauan kita, transaksi tunggal tidak memberi impak pada pasaran.

"Hanya transaksi kumulatif yang akan memberi kesan terhadap pasaran," katanya selepas merasmikan Sidang Kemuncak Tenaga Kepimpinan Iclif Asia 2015, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai kemungkinan impak yang berlaku susulan tindakan sayap tenaga 1MDB, Edra Global Energy Bhd, menjual semua asetnya kepada China General Nuclear Power Corp dan unitnya (CGN Group) bernilai RM9.83 bilion.

Zeti turut menyifatkan sistem perbankan Malaysia baik serta kukuh dengan penampan modal yang besar, manakala susut nilai pinjaman pula rendah sebanyak 1.5 peratus.

Mengulas siasatan terhadap 1MDB, beliau berkata, ia setakat ini mencatat perkembangan.

"Kita sudah menyiapkan siasatan itu. Pada masa ini, ada beberapa perkembangan dalam tindakan yang kita ambil dan membabitkan beberapa kelulusan yang diberikan kepada mereka," katanya. -



Selasa, 1 Disember 2015

3. PAC puas hati penjelasan Arul Kanda



PRESIDEN dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda Kandasamy hadir di Bangunan Parlimen, hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berpuas hati terhadap penjelasan yang dikemukakan oleh Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda Kandasamy, berkaitan syarikat itu hari ini.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin, berkata prosiding yang bermula kira-kira pukul 11 pagi tadi, berjalan lancar dan berhenti berehat sehingga pukul 2.30 petang untuk sesi seterusnya.

"PAC akan dengar lagi (penjelasan dari Arul Kanda) pada petang ini. Selepas itu, saya akan buat satu kenyataan akhbar.

"Jika belum habis, kita (PAC) akan teruskan. Yang penting, kita ingin maklumat yang tepat supaya laporan itu adil," katanya kepada pemberita selepas menghadiri prosiding antara PAC dan Arul Kanda di Bangunan Parlimen hari ini.

Prosiding itu adalah pertemuan pertama Arul Kanda dengan PAC selepas beliau gagal menghadirkan diri di hadapan jawatankuasa itu sebanyak dua kali sebelum ini.

Arul yang kelihatan tenang, keluar dari bilik prosiding dengan senyuman terukir pada wajahnya, sebelum beredar meninggalkan Bangunan Parlimen.

Beliau juga mengelak soalan yang diajukan oleh para wartawan.

Semalam, PAC memanggil bekas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif 1MBD Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi untuk memberi keterangan berkaitan pembentukan 1MDB, yang dilapor berlaku pada 2009 semasa di bawah pengurusannya.

Hasan dilapor berkata, Laporan Akhir Ketua Audit Negara terhadap 1MDB dijangka dibentangkan kepada PAC pada 17 Disember ini.

Beliau berkata, PAC juga akan memanggil Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin untuk memberi keterangan kepada PAC selepas mendengar Laporan Ketua Audit Negara berkaitan 1MDB.

Oleh itu, katanya, PAC dijangka menyiapkan laporan lengkap 1MDB pada Mac 2016.

4. Dana RM2.6b: SPRM muktamad tarikh ambil keterangan PM

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sudah mengadakan pertemuan dengan Pejabat Perdana Menteri hari ini bagi memuktamadkan tarikh untuk ambil keterangan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Ia berhubung isu SRC International dan dana RM2.6 bilion, agensi itu memaklumkan dalam satu kenyataan, hari ini.

"SPRM sudah mengadakan pertemuan dengan Pejabat Perdana Menteri hari ini bagi memuktamadkan tarikh mengambil keterangan daripada Najib berhubung isu SRC International dan dana RM2.6 bilion.

"SPRM akan memaklumkan perkembangan dari semasa ke semasa," menurut kenyataan itu.

5. TPPA, AEC bawa senario positif kepada ekonomi negara

DATUK Seri Ong Ka Chuan (tengah) bersama Pengarah Negeri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Azmir Musyabri Abdul Mutallib (dua dari kanan) dan Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Azhana Mohamed Saleh (kanan) pada sidang media di Pejabat MITI Wilayah Pulau Pinang, hari ini. - Foto Mikail Ong

GEORGETOWN: Perkembangan perbincangan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) akan membawa senario baharu kepada ekonomi negara, tahun depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, berkata berdasarkan perkembangan semasa, beliau percaya situasi pada 2016 akan mengundang sesuatu lebih positif berbanding sekarang.

"Sebagai negara yang bergantung kepada perdagangan serta pelaburan asing, Malaysia bakal meraih manfaat besar daripada TPPA dan AEC. Asas ekonomi kita amat sihat dan kukuh, cuma persepsi menjadikan keadaan seperti sebaliknya.

"(Namun) saya percaya tahun depan akan membawa senario baharu kerana Malaysia menjadi negara ideal bagi syarikat asing melabur serta mewujudkan kilang mereka," katanya kepada wartawan di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan bangunan dan perpustakaan baharu Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR) di Tanjong Bungah, di sini. Hadir sama, Presiden KUTAR, Datuk Dr Tan Chik Heok.

Mengulas kekosongan jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, (SPPP) selepas tamatnya perkhidmatan Tan Sri Chua Soi Lek, baru-baru ini, Ong yang juga Setiausaha Agung MCA berkata pengumuman mengenainya akan dibuat Presiden parti merangkap Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai.

"Saya yakin Kerajaan Pusat akan memilih calon terbaik sebagai Pengerusi SPPP. Biarlah mereka tentukan dahulu sebelum mengumumkannya.

"Saya difahamkan pengumuman itu dalam masa terdekat ini. Jawatan itu tidak boleh dibiarkan kosong terlalu lama kerana kedudukan kemudahan itu sebagai antara pelabuhan terpenting," katanya.

SPPP di bawah Kementerian Pengangkutan dan menjadi kelaziman pengerusinya adalah dalam kalangan pemimpin MCA.

Terdahulu ketika berucap, Ong yang juga Anggota Jawatankuasa Pengasas KUTAR berkata, sebanyak RM30 juta dibelanjakan bagi pembinaan dua bangunan baharu empat tingkat dan perpustakaan tiga tingkat kolej itu.

"Separuh perbelanjaan ditanggung Kerajaan Pusat. Kolej ini mempunyai 3,500 pelajar dan kita jangka bilangan itu mampu ditambah kepada 5,000 orang dengan adanya bangunan baharu itu," katanya.



Isnin, 7 Disember 2015

6. Jabatan Audit kesan pembelian barangan 'pelik tapi benar'

SERDANG: Jabatan Audit Negara mengesan ada projek dan pembelian barangan oleh kementerian, jabatan, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dikategorikan 'pelik tapi benar' termasuk menempah meja besar untuk bilik kecil menyebabkan ruang menjadi sempit.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, turut berlaku kes pembinaan yang gagal disiapkan walaupun bayaran penuh sudah dilangsaikan, selain tender sesebuah projek dalaman yang dipohon oleh 10 kontraktor dari satu keluarga.

"Bagi mengelak kes ini berulang, kami mencadangkan pihak terbabit kerap melakukan pemeriksaan mengejut bagi mengelak pemborosan, pembaziran dan penyelewengan," katanya dalam Ceramah

Eksekutif Tadbir Urus Pengurusan Kewangan di Auditorium Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini sebentar tadi.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan institusi terbabit. Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Seri Dr Zaini Ujang dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk



AMBRIN ketika berucap dalam Ceramah Eksekutif Tadbir Urus Pengurusan Kewangan di Auditorium Canselor Putra, UPM, hari ini. - Foto Muhd Asyraf Sawal



KETUA Pegawai Eksekutif (CEO) Bursa Malaysia Bhd, Datuk Tajuddin Atan.

7. Bursa Malaysia contoh peneraju tadbir urus korporat

PENGALIRAN keluar dana asing daripada pasaran saham tempatan baru-baru ini menimbulkan kebimbangan terhadap kedudukan pasaran saham tempatan. Ramai beranggapan kedudukan pasaran ekuiti negara sudah goyah susulan pengaliran keluar dana asing secara berterusan itu.

Namun, pengurusan tertinggi pengendali bursa tempatan mempunyai perspektif berbeza mengenai perkara itu. Ikuti temu bual eksklusif wartawan BH, Mahanum Abdul Aziz bersama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bursa Malaysia Bhd, Datuk Tajuddin Atan yang mengulas mengenai prestasi pasaran saham tempatan dalam tempoh enam tahun lalu serta berkongsi pengalamannya mengendalikan bursa tempatan sejak memegang jawatan itu pada 2011.

S: Prestasi pasaran dalam tempoh enam tahun lalu sejajar dengan pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan mungkin boleh tumpukan dalam 12 bulan lalu berkaitan keadaan ekonomi semasa?

J: Ini adalah dua muka surat prestasi kewangan (sambil menunjukkan carta dan graf yang menunjukkan prestasi pasaran dalam tempoh 2009 hingga 30 November 2015). Ini adalah cerita saya. Semasa program Invest Malaysia di New York (IMNY) tahun lalu bursa telah mengadakan majlis pertemuan di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dengan pengurus dana asing. Kami telah mempermudah statistik yang menunjukkan prestasi pasaran saham yang dicatatkan dalam tempoh enam tahun lalu supaya Perdana Menteri, boleh memahami dan mengingati fakta penting berhubung prestasi itu dalam tempoh singkat.

Daripada 2009 hingga 2015, pasaran berkembang secara keseluruhan berdasarkan tiga proksi utama pasaran saham iaitu indeks, permodalan pasaran dan Nilai Purata Harian (ADV). Anda tidak boleh mengukur prestasi Bursa Malaysia hanya dengan satu ukuran, terdapat banyak proksi lain. Salah satu daripada proksi itu ialah anda mempunyai indeks yang meningkat sebanyak 91 peratus dan permodalan pasaran juga meningkat sebanyak 151 peratus.

Seterusnya, semua ADV yang mengukur prestasi bursa bertambah daripada RM1.1 bilion kepada RM2.0 bilion, yang mencatatkan pertumbuhan 78 peratus dalam tempoh 2009 sehingga November 2015. Secara ringkasnya, Perdana Menteri telah menarik perhatian pengurus dana dengan berkongsi carta bar ini: indeks meningkat 91 peratus, permodalan pasaran meningkat 151 peratus, ADV bergerak sebanyak ini (RM1.1 bilion ke pada RM2.0 bilion) dan pegangan asing meningkat 1.7 peratus dan ini adalah fakta dan angka terkini. Bursa adalah salah satu proksi utama kepada ekonomi. Jika ekonomi mencatatkan prestasi baik, pasaran saham akan mencatatkan prestasi baik. Prestasi pasaran saham bergantung kepada beberapa perkara. Pertama ialah dasar kerajaan, kedua ialah pengaktifan dasar yang mencerminkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Jadi, yang menyokong perkara ini ialah ETP.

Dalam kalangan bursa di ASEAN, kami adalah satu-satunya yang mempunyai program bertema, program yang jelas untuk memacu ekonomi Malaysia. Memang pada ketika itu, biasanya, setiap kali kita memperkatakan sesuatu pasti ada yang membangkang, ada yang mengatakan masalah di Malaysia adalah banyak pengumuman tetapi kurang penyampaian, namun kami mengambil itu sebagai satu cabaran. Pada ketika itu, Singapura, Thailand dan Filipina tidak mempunyai kisah holistik untuk diceritakan.

Jadi, kami mengetengahkan kisah holistik kita termasuk ETP dan bagaimana ia memberi manfaat kepada syarikat kita (syarikat Malaysia). Sesungguhnya, sektor swasta di negara ini sama ada mereka suka atau tidak, mereka telah meraih manfaat daripada program yang dilaksanakan. Tahun ini, kami juga membawa kisah yang sama tapi sudah dikemaskini. Hanya yang membezakan tahun ini ialah, saya berkata kepada Perdana Menteri, "noise" sangat kuat. Beliau faham maksud "noise" yang saya maksudkan.

Antara berita menjadi tumpuan adalah penjualan besar-besaran oleh dana asing. Jadi, apa yang kami ada adalah carta yang menunjukkan apa yang berlaku dalam pasaran modal. Walaupun pasaran ekuiti untuk 18 bulan lalu menunjukkan aliran keluar bersih tetapi pada keseluruhannya, dari 2010 hingga 30 November 2015 ianya mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM9.4 bilion. Saya membentangkan perkara ini kepada Jawatankuasa Ekonomi yang dipengerusikan Perdana Menteri. Kami menyedari dalam tempoh tiga bulan lalu, (pasaran) sudah agak stabil. Kita sebenarnya mencatatkan jumlah aliran masuk bersih sebanyak RM9.4 bilion. Perangkaan semasa dana asing berdasarkan permodalan pasaran menunjukkan kira-kira 22.1 peratus.

Dana asing terbahagi kepada dua. Pertama, dana yang dilaburkan untuk tujuan perdagangan dan satu lagi membabitkan pegangan strategik oleh dana asing untuk tempoh jangka panjang seperti Nestle,

BAT, DiGi dan lain-lain lagi. Jumlah saham yang dipegang mereka lazimnya kekal stabil. Apa yang ingin saya buktikan dan nyatakan di sini ialah angka yang bergerak membabitkan dana yang dilaburkan untuk tujuan perdagangan, yang mana untuk sesetengah keadaan tertentu ia berkait dengan pengurangan kuantitatif (QE). Namun begitu, pegangan keseluruhan dana asing kekal pada paras yang sama. Pengurangan hanya 1.7 peratus daripada paras tertinggi. Dari segi agregat, pegangan asing meningkat sejak 2010.

S: Malaysia dan ASEAN, mereka menjual ASEAN sebagai satu pasaran, lebih mudah untuk dijual?

J: Pasaran saham Malaysia berkembang seiring dengan ETP dan ini adalah kekuatan yang sudah ada. Kita menjadi contoh sebagai peneraju dalam tadbir urus korporat. Seperti anda sedia maklum kita telah berdepan keadaan teruk pada 1997/1998, dan China kini sedang berdepan situasi sama. Tidak ada sesiapa yang mempercayai angka kita dulu, tetapi kini angka kita lebih baik. Kita terus mencatatkan kemajuan sejak 1997/1998 melalui tadbir urus korporat dan kita telah berjaya membangunkan budaya ini dalam kalangan syarikat kita. Bursa Malaysia berusaha membawanya ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, banyak aktiviti tahun ini cenderung kepada program kemapanan.

Dalam tempoh 12 bulan lalu, kita telah dan terus mempertingkatkan program kemapanan. Kami menganjurkan dua forum kemampanan antarabangsa, memperkenalkan Indeks FTSE4Good tahun lalu dan menyertai inisiatif kemampanan pengendali bursa. Kami memeterai deklarasi sebagai pengendali bursa yang mempengaruhi lebih 900 syarikat. Kami berharap semua 900 syarikat dapat meneruskan agenda kemampanan ini. Detik bermakna untuk kami ialah apabila diiktiraf sebagai syarikat kelima terkemuka ASEAN dalam tadbir urus korporat yang diadakan di Manila. Ini adalah kali pertama kami mendapat pengiktirafan sebegini. Bukan anugerah yang kami mahukan tetapi yang lebih penting ialah menjadi model yang dapat dicontohi dan seterusnya dapat mempengaruhi syarikat lain di dalam tadbir urus korporat.

Dalam Laporan Daya Saing 2014/2015 yang dikeluarkan Forum Ekonomi Dunia menyaksikan kita antara keempat terbaik untuk pembangunan pasaran kewangan, tempat kelapan dalam menjana modal, menduduki tangga ke-13 di dunia dari segi kawal selia pasaran modal yang baik. Jadi, itu adalah cadangan nilai yang perlu dibangunkan sebelum kita menjualnya. Kita juga mempunyai penanda aras dunia dalam kontrak hadapan Minyak Sawit Mentah (MSM).

S: Apa yang membuatkan anda berjaga pada malam hari dengan tugas sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia?

J: Mengendalikan bursa adalah sangat menarik. Ramai orang bertanya dengan saya soalan ini dan hari ini saya akan menjawab soalan itu. Saya bangun awal dan tidur lambat, itu adalah tabiat saya. Saya menjadi peniaga (saham) selama 17 tahun. Masa saya bermula awal pagi waktu Tokyo dan berakhir sekitar 12 atau jam satu pagi Jumaat mengikut masa New York. Saya sentiasa bersiap sedia dan

aktif. Sebenarnya, ramai berfikir menerajui Bursa adalah mudah. Sebenarnya, adakah anda tahu, kami mengendalikan sistem padanan terbesar dan terpantas di negara ini. Sistem yang kami ada mengalahkan semua sistem padanan atau sistem dagangan (saham) dari segi jumlah dan kelajuan di negara ini. Ia memang pantas dan amat laju. Bagi saya, ia seolah-olah menguruskan syarikat teknologi dan juga syarikat pemantauan. Saya juga menguruskan operasi dan pemasaran.

Dari segi pemasaran, anda pernah mendengar kami membuat promosi di peringkat domestik dan serantau. Kami amat fokus di dalam pemasaran dan penjenamaan. Kita mempunyai kisah mengenai ASEAN, produk kita, produk berlandaskan Syariah, dan kemudian baru masuk ke bahagian pemantauan. Sebelum kita berbicara mengenai pemantauan, kita bercerita mengenai bahagian dagangan yang sangat menarik. Seawal jam empat pagi, kakitangan saya sudah berada di pejabat. Menjelang enam pagi, mereka mesti memastikan semuanya berjalan lancar. Pada jam tujuh pagi, mereka akan membuat ujian kemandapan sistem bagi memastikan sistem sudah bersedia untuk menjalankan aktiviti dagangan saham.

Ujian kemandapan sistem itu juga bagi memastikan menjelang jam 8.30 pagi sehingga 9.00 pagi, iaitu pra-pembukaan dimulakan dan 9.00 pagi aktiviti dagangan bermula sepenuhnya. Yang menariknya dalam tempoh antara 8.30 pagi sehingga 9.00 pagi, banyak tempahan belian berlaku yang mana menyaksikan harga purata dipadankan. Ini semua boleh dibuat dengan pantas dalam masa kurang daripada satu saat. Seterusnya, jam 9 pagi adalah dagangan sebenar sehingga 12.30 tengah hari. Kami tidak menghentikan sistem tetapi merehatkannya sehingga jam 2 petang. Ujian kemandapan sistem dilakukan sebelum pra-pembukaan yang bermula jam 2 petang sehingga 2.30 petang. Kemudian, aktiviti dagangan sebenar bermula sehingga jam 5 petang. Apa yang membimbangkan adalah sesuatu terjadi ketika dagangan sebenar berlangsung. Saya berharap ini tidak akan berlaku.

S: Kenapa kegagalan sistem boleh berlaku?

J: Kegagalan sistem boleh berlaku kerana ia berjalan secara langsung dan menyokong banyak benda. Sebarang kemajuan atau sebarang pepijat boleh mengganggu perjalanan sistem. Sistem akan diselenggara pada hujung minggu bagi menjamin kemandapan operasinya. Kadang-kadang, gangguan yang berlaku bukan disebabkan sistem dagangan, ianya berkaitan perkara lain seperti data, informasi dan sebagainya. Kami sebenarnya mempunyai tiga sistem iaitu sistem dagangan ekuiti yang bermula jam 9 pagi sehingga 5.50 petang, derivatif (8.15 pagi sehingga 7 petang) dan berlandaskan Islam (Ahad hingga Jumaat sebab mengikut masa Asia Barat).

S: Sebaik saja semua sistem berjalan lancar, apakah peranan selanjutnya sebagai pengendali bursa?

J: Sebaik saja semua sistem berjalan lancar, bahagian kedua ialah berkaitan pemantauan. Kami memantau aktiviti dagangan bagi memastikan pasaran berjalan secara teratur dan adil untuk semua. Pada masa sama, kami perlu pastikan aktiviti luar biasa seperti peningkatan dan kejatuhan mendadak secara ketara perlu diredakan dengan mengenakan paras had tertentu seperti had tinggi 30 peratus dan had jatuh 30 peratus dan litar putus jika pasaran jatuh mendadak dengan teruk. Program

pemantauan ini berterusan sepanjang hari, dapat mengenal pasti pelbagai perlakuan dalam aktiviti dagangan seperti spekulasi sebenar, masalah salah tertekan belian dan jualan dan sebagainya.

Bahagian ketiga pula ialah operasi. Bila anda berurusniaga, pasca dagangan perlu diselesaikan yang membabitkan proses depositori dan penyelesaian. Bahagian keempat pula adalah mengenai promosi, pemasaran yang merangkumi operasi dan pengendalian bursa dalam seharian. Kemudian memasuki bahagian paling penting iaitu pembangunan. Ketika ini perkara utama kami lihat dan paling penting buat kami ialah bidang pertumbuhan. Yang pertama, adalah teknologi. Saya rasa Bursa Malaysia sudah melaksanakan pendigitalan dan e-CDS, e-penyata dan kini boleh membuka akaun secara elektronik. Sebenarnya anda boleh menghantar borang secara elektronik, bukan sepenuhnya tetapi untuk bahagian permulaannya.

Perkara lain pula ialah, bagaimana kami bergerak dan berkembang daripada cara tradisional. Oleh sebab itu, perdagangan internet berkembang dengan baik dari segi jumlah. Bahagian ketiga ialah mendekati golongan muda atau milenium. Malaysia adalah salah satu negara yang mempunyai golongan mudah terbesar dari segi peratusan. Untuk mendekati golongan muda, kami perlu melabur di dalam bidang digital. Kami telah melabur dalam jumlah yang besar untuk membangunkan Bursa Marketplace untuk golongan muda. Bagi membangunkan budaya melabur, kami perlu menggalakkan pendidikan kepada kumpulan ini. Golongan Bumiputera terutamanya kurang mempunyai budaya melabur. Anda tidak boleh menyalahkan mereka kerana mereka dimanjakan dengan pilihan pelaburan lain.

S: Anda sudah menjadi peniaga saham, anda menjadi pengurus bank dan kini menjadi peneraju bursa. Jadi, jika diberi pilihan, yang mana satu menjadi pilihan?


J: Semuanya dalam kewangan, tetapi apa yang boleh saya katakan, jika anda bertanya kepada saya sama ada saya akan kembali menjadi peniaga saham, saya rasa saya boleh. Saya pernah bekerja dalam tukaran mata wang asing dan kemudian beralih mengendalikan bilik dagangan, membuat bon tempatan dan asing, pasaran wang dan saya adalah kumpulan pertama yang memperkenalkan dagangan derivatif dan dagangan hadapan. Jadi, semuanya sudah lengkap. Di samping itu, sejak menguruskan dana bank, saya juga terbabit dalam pasaran saham. Pasaran saham memberi pulangan yang lebih baik berbanding bon. Saya bermula dengan mata wang, saya juga pernah menjadi pegawai yang menguruskan akaun semasa di Johor Bahru. Selepas itu saya berhenti dan beralih kepada bahagian korporat, saya melakukan penstrukturan semula aset. Saya pernah menjadi CEO Bank Simpanan Nasional dan Presiden dan Pengarah Urusan Kumpulan Bank Pembangunan Malaysia Bhd dan Pengarah Urusan, RHB Capital Bhd. Semuanya dalam bidang kewangan. Apa yang membanggakan saya ialah saya terbabit di dalam bidang kewangan dan transformasi.

Macam sewaktu saya datang ke Bursa Malaysia, saya melihat kepada carta dan statistik, mengapa statistik Bursa Malaysia seperti ini. Mesyuarat pertama dengan mereka (kakitangan Bursa Malaysia) menjadi sedikit kejutan. Saya telah melukis carta dan berkata adakah mungkin carta kita boleh menjadi begini (45 darjah peningkatan dalam pendapatan). Dari segi prestasi kewangan, Bursa sudah meningkat, sejajar dengan pertumbuhan pasaran modal kita. Pada suatu ketika dulu, permodalan

pasaran berjumlah RM280 bilion. Kini pada masa tertentu mencecah RM1.7 trilion dan kini mencecah RM1.6 trilion. Bila orang bertanya kepada saya, dengan dana asing keluar daripada pasaran, apa berlaku kepada pasaran. RM24 bilion keluar. Jika RM24 bilion dengan jumlah permodalan pasaran sekitar RM280 bilion, kedudukan adalah goyah tetapi kini permodalan pasaran mencecah RM1.7 trilion berbanding dana keluar RM24 bilion, ia hanya kurang daripada lima peratus. Jadi adalah penting untuk meningkatkan saiz pasaran. Ini apa yang kami capai. Dengan pemberian dividen secara konsisten kepada pelabur kami (Bursa Malaysia). Dasar dividen kami ialah lebih 75 peratus, tetapi kami memberikan lebih 95 peratus.

Ikuti bahagian akhir temu bual eksklusif bersama CEO Bursa Malaysia Bhd, Datuk Tajuddin Atan, esok.

Prestasi Kewangan Bursa Malaysia Bhd dalam tempoh enam tahun



8. Cegah penerima biasiswa JPA elak jadi penjawat awam - Najib



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak melihat momento penghargaan yang disampaikan oleh Presiden PPTD, Datuk Seri Zainal Rahim Seman (dua dari kiri). Turut serta, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa (kanan) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zabidi Zainal (kiri). - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

PUTRAJAYA: Perdana Menteri mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk memperkenalkan model baharu dalam pemberian biasiswa untuk mencegah penerima biasiswa mengelak daripada berkhidmat dengan kerajaan.

Datuk Seri Najib Razak berkata, walaupun menerima peruntukan yang besar daripada kerajaan, sesetengah penerima biasiswa sengaja menggagalkan diri dalam ujian perkhidmatan awam untuk mengelak direkrut sebagai penjawat awam.

Beliau berkata, keadaan itu tidak menguntungkan kerajaan yang menyediakan ratusan ribu Ringgit (sebagai biasiswa) kepada pelajar, tetapi tidak mendapat bakat berkenaan.

"Saya telah mengarahkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal untuk melaksanakan model baharu dalam pemberian biasiswa," katanya.

Dalam ucapannya pada Majlis Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), di sini, malam tadi, Najib berkata, pegawai PTD yang juga pemikir, perancang dan pelaksana dalam perkhidmatan awam perlu memikirkan untuk mengolah semula strategi pembangunan negara dalam persekitaran global yang tidak menentu.

"Antara cabaran yang dihadapi, termasuk ekonomi yang berkembang perlahan, harga komoditi yang rendah, ekspektasi rakyat dalam menghadapi kos sara hidup dan ancaman militan Kumpulan Negara Islam dan di Filipina Selatan," katanya.

9. Perkenal baucar digital BB1M untuk elak ketirisan



TIMBALAN Presiden MABOPA, Arief Hakim Sani Rahmat. - Foto Aziah Azmee

KUALA LUMPUR: Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) minta kerajaan menukar mekanisme pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) kepada baucar digital untuk mengelak ketirisan.

Timbalan Presiden, Arief Hakim Sani Rahmat, berkata melalui baucar digital, pelajar universiti boleh membeli buku secara e-dagang, sekali gus memberi akses lebih baik kepada pelajar di luar bandar untuk mendapat bahan bacaan bermutu tinggi.

"Baucar digital ini membantu pelajar luar bandar yang tidak mempunyai kedai buku yang baik di kawasan mereka kerana dapat membeli naskhah bermutu melalui pesanan dalam talian yang akan diposkan, selain buku elektronik (e-buku) yang umumnya lebih murah berbanding buku fizikal.

"Pada masa sama, penggunaan mekanisme digital ini bersifat 'real time' yang membolehkan semua vendor terbabit dipantau oleh kerajaan, sekali gus memudahkan audit Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)," katanya kepada BH di Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas membentangkan kertas kerja Adakah Buku Elektronik Masa Depan Kita? pada Seminar Masa Depan Industri Penerbitan Malaysia.

Arief Hakim berkata, pihaknya mendapati mekanisme pemberian sedia ada menunjukkan kelemahan selepas beberapa tahun diadakan sehingga memerlukan kerajaan mengambil langkah segera mengatasi masalah itu seperti yang dilakukan untuk menambah baik skim Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM).

"Secara teknikal saya merasakan tidak sukar untuk melaksanakan mekanisme ini kerana kita sudah mempunyai infrastruktur termasuk pelbagai vendor sistem pembayaran misalnya iPay atau Webcash.

"Jika perlu, kerajaan juga boleh membabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam industri buku seperti Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Perbadanan Kota Buku (PKB) bagi melaksanakan mekanisme ini.

"Bagi saya, ketirisan setakat satu atau dua peratus masih boleh diterima tetapi masalahnya dua pertiga daripada jumlah BB1M tidak diperoleh semula industri buku," katanya.

Beliau berkata, kerugian itu besar kepada pembayar cukai ini, sekali gus menggagalkan usaha melahirkan pelajar yang membaca.

Seminar Masa Depan Industri Penerbitan Malaysia itu dianjurkan Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FSSS) UM dengan kerjasama ITBM dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).

Ia menampilkan barisan pemain industri berpengaruh yang membicarakan masa depan penerbitan di negara ini dengan mengambil kira perkembangan mutakhir ini termasuk era pendigitalan.



Rabu, 16 Disember 2015

10. Pembentangan laporan akhir audit 1MDB ditangguhkan - PAC



PENGERUSI Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Ariffin.

KUALA LUMPUR: Laporan Audit Akhir 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang sepatutnya dibentangkan esok terpaksa ditangguhkan kerana Jabatan Audit Negara (JAN) perlu mengemaskini beberapa maklumat.

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Ariffin, berkata JAN perlu diberikan masa mencukupi dalam menyiapkan Laporan Audit Akhir 1MDB.

Beliau berkata, sebaik laporan akhir itu dimuktamadkan, Ketua Audit Negara akan membentangkan dokumen berkenaan kepada PAC.

"PAC berpendapat Laporan Audit Akhir 1MDB perlu telus, komprehensif serta adil dalam memastikan pengauditan terhadap 1MDB lengkap seperti yang dikehendaki Parlimen dan rakyat.

"Ia bagi menjamin integriti PAC yang ditubuhkan sebagai jawatankuasa bipartisan di bawah bidang kuasa Parlimen sebagai cabang perundangan dan dianggotai ahli parlimen daripada BN, DAP, PKR dan PAS," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Bagaimanapun, Hasan menjelaskan, prosiding 1MDB membabitkan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Arul Kanda akan diteruskan mengikut jadual iaitu pada Jumaat ini.

PAC kemudian, katanya, akan memanggil Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin dalam tempoh dua minggu selepas Arul prosiding terhadap Arul dikendalikan.



Selasa, 22 Disember 2015

11. TM rumus formula baharu kukuhkan korporat Malaysia

SIRI kejayaan transformasi Telekom Malaysia Bhd (TM) menjadi testimoni utama melayakkannya menyumbangkan kepakaran membantu program transformasi entiti korporat Malaysia.

Berbeza transformasinya yang dipacu semangat pasukan TM sebelum ini, gergasi telekomunikasi itu kini berhadapan cabaran mencari formula rahsia baharu sebagai penyatu kekuatan entiti korporat di Malaysia. Ikuti bahagian akhir temu bual wartawan BH, Kamarulzaidi Kamis dan Che Wan Badrul Alias bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM, Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa merungkai visi 'Accidental CEO' itu merencana transformasi entiti korporat tempatan demi masa depan Malaysia.



S: Apakah pencapaian terbesar sepanjang tempoh Tan Sri memacu TM ?

J: TM bermula sebagai sebuah jabatan. Kami dikorporatkan pada 1987 dan 1990 di senarai di Bursa Malaysia. Jadi benar kami sudah melalui satu transformasi yang berkembang dari jabatan sehingga kepada syarikat swasta dan syarikat senaraian awam. Pada awal 1990 sehingga akhir 1990-an untuk kali pertama TM mengalami persekitaran persaingan. Iaitu apabila terdapat lesen baharu diberikan kepada syarikat lain. Jadi, sekali lagi ia sebahagian daripada perjalanan transformasi untuk TM dari Jabatan ke swasta, ke senaraian awam dan kepada syarikat berdaya saing. Kami perlu mentransformasi syarikat pada setiap masa sejak kami mula diswastakan. Ini adalah pencapaian utama TM.

Pencapaian utama TM adalah proses pengasingan pada 2008 apabila kami transformasi daripada sebuah syarikat integrasi yang ketika itu ada dua cabang iaitu perkhidmatan talian tetap, khusus untuk pasaran Malaysia di peringkat nasional, manakala kita juga ada cabang mudah alih seperti Celcom di Malaysia, XCell di Indonesia, Halo in Kemboja, dan sebagainya. Ketika itu semua cabang ini di bawah TM International. Itu adalah dua perniagaan terbesar yang kami miliki ketika itu.

Apabila pengasingan berlaku, bahagian mudah alih yang juga penyumbang besar operasi kami dikeluarkan dan menjadi satu entiti yang kini dikenali Axiata Bhd. Yang kekal di TM adalah perniagaan talian tetap dan tumpuan hanya kepada pasaran Malaysia. Cabaran yang kita lihat dalam pengasingan ini tidak seperti yang pernah berlaku sebelum ini. Apabila cabang mudah alih dikeluarkan, separuh daripada pendapatan kumpulan TM dibawa keluar daripada kami untuk bergabung dengan Axiata. Tapi, 90 peratus daripada kos kekal pada kami.

Perkara pertama yang saya lakukan adalah dengan memecahkan cabaran supaya lebih kecil untuk diuruskan. Maka, kami laksanakan konsep COOL iaitu singkatan kepada Pelanggan (C), Kecemerlangan Operasi (O), Set Minda Bersama Dalam Satu Syarikat (O) dan Kepimpinan Komersial Menerusi Inovasi (L). COOL memudahkan kami berhubung dengan kakitangan TM. Kami melihat ini sebagai teras utama TM, untuk menguatkan semangat kakitangan TM.

Sebagai GLC kita kena pastikan orang ramai faham kami ada tanggung jawab penting iaitu pembangunan negara. Memang kami perlu tingkatkan keuntungan, tapi tanggung jawab kedua kami

lebih besar iaitu untuk pembangunan negara. Sejak 2008 dan sekarang 2015, sudah tujuh tahun berlalu, Alhamdulillah kita berjaya melonjak kembali dengan mengubah kebergantungan sumbangan kami kepada 70 peratus disumbangkan dari pendapatan bukan suara atau berkaitan data. Kami berjaya memberi lebih nilai kepada pemegang saham lebih 300 peratus sejak tempoh pengasingan.

Memacu ke hadapan, kumpulan TM kini memasuki titik kebangkitan kedua dan bergerak untuk membuat satu lagi pencapaian. Dulu kami ingin menjadi peneraju jalur lebar dan ia tercapai hari ini, maka kita melihat apa lagi yang boleh dicapai pada masa depan. Justeru, kami melihat satu lagi sasaran iaitu bergerak kepada peneraju konvergen di Malaysia. Kami perlu menyusun kembali kedudukan syarikat dalam perspektif untuk berhadapan cabaran akan datang. Kami sudah mentakrifkan semula visi kumpulan iaitu "Memudahkan Kehidupan dan Perniagaan untuk Malaysia Yang Lebih Baik". Ia visi yang sangat mudah tapi penting dalam memartabatkan agenda pembangunan negara. Kemudiannya kami perkukuhkan dengan memperkenalkan nilai jenama baharu iaitu Mudah, Dipercayai, dan Inovatif.

TM kini memiliki 28,000 pekerja. Jadi, saya berpendapat jumlah yang besar tidak semestinya perkara buruk dengan syarat produktiviti perlu meningkat. Kalau kita besar dan produktiviti kita meningkat hasilnya akan lebih besar. Jadi produktiviti adalah tunjang utama untuk kami. Untuk tingkatkan produktiviti, kita perlu jadi inovatif. Satu daripadanya adalah menerusi digital. Maka, sekarang kita menggunakan peranti digital seperti sistem pengurusan tenaga kerja yang akan menugaskan kakitangan di lapangan untuk baik pulih perkhidmatan.

S: Bagaimana Tan Sri membayangkan TM menjelang 2020.

J: Pada 2020 TM akan cukup berbeza dengan yang sebelum ini. Kami bergerak ke arah digital dan menyokong gaya hidup masa kini pengguna. Kami akan berdepan pelbagai dugaan. Kami melihat perubahan gaya hidup pengguna yang mana apabila mereka membeli peranti mudah alih, keutamaannya adalah untuk menikmati perkhidmatan terbaik. Mereka mahukan pengalaman merasai perkhidmatan terbabit sebelum memilikinya. Seperti mana ketika kita berada di kedai Apple, maka kami melihat untuk menggunakan sistem yang sama menerusi pembangunan perkhidmatan dalam talian menyelaraskan kandungan sama seperti di cawangan TM.

Cawangan TM akan berfungsi sebagai pusat mengenali produk kami. Bahagian kandungan juga berbeza. Ini berdasarkan corak perubahan pengguna menggunakan kandungan. Sebelum ini pengguna hanya menonton televisyen dengan siaran yang sudah ditetapkan, kemudian industri bergerak maju dan muncul perkhidmatan seperti HyppTV memberikan kebebasan kepada pengguna untuk menonton. Pada masa depan mungkin ia terserah sepenuhnya kepada penonton, sama ada bila dan di mana mereka ingin menontonnya, kandungan yang ingin ditonton dan peranti apa yang mereka ingin gunakan. Baru-baru ini kami memeterai perjanjian dengan IFLIX sejajar perubahan gaya hidup pelanggan kami. Ia akan memainkan peranan besar dalam kehidupan pengguna, seperti dalam industri media.

S: Berdasarkan pandangan Tan Sri, bagaimana corak pertumbuhan pendapatan TM menjelang 2020 dan apakah penyumbanganya.

J: Pertama sekali menjelang 2020 semuanya akan dipacu internet protokol (IP) bagi menyediakan perkhidmatan menyeluruh menggunakan teknologi IP. Maka, semuanya akan berasaskan kepada penggunaan aplikasi. Aplikasi akan menguasai segenap kehidupan pengguna sama ada untuk perniagaan, menggunakan kandungan, berhubung dan sebagainya.

S: Bagaimana TM menilai persaingan sengit dalam industri masa kini.

J: Persaingan ini biasa dalam industri. Bagus kita meningkatkan daya saing. Kerana akhirnya pasaran yang akan menentukannya. Tambahan pula TM turut terbabit dalam menyediakan jualan borong untuk perkhidmatan kepada pesaing industri, supaya mereka turut dapat menyediakan perkhidmatan yang sama. Mereka ada kekuatan mereka dan kami yakin kumpulan ada kekuatan tersendiri. Cuma TM memiliki tanggung jawab lebih besar berbanding mereka. Kami berpandukan kepada tanggung jawab pembangunan nasional, mereka mungkin hanya berpandukan kepada perniagaan. Namun jika terdapat ruang untuk kami bersaing, maka kami akan memberikan saingan habis-habisan. Antaranya HyppTV seperti kandungan sukan.

S: Bagaimana sumbangan TM dalam sukan negara.

J: Kami memang menyokong bola sepak. Lebih memfokuskan kepada bola sepak berbanding sukan lain. Bagaimanapun kami ada Team Malaysia. Ia mewakili peminat sukan secara menyeluruh yang menyokong semua acara sukan. Kami percaya Team Malaysia ini mempunyai makna yang lebih mendalam berbanding sokongan hanya kepada satu sukan sahaja.

S: Ramai orang awam menganggap penyedia perkhidmatan mudah alih menggunakan perkhidmatan TM dan menyumbang kepada pendapatan TM kerana TM mendominasi penyediaan infrastruktur.

J: Betul tapi perlu diingatkan TM mempunyai tanggung jawab membayar kos pembangunan infrastrukturnya. Oleh itu, ia memerlukan pelaburan mega. Tanggung jawab ini semuanya akan kembali kepada kami. Walaupun sebenarnya peserta telekomunikasi lain mempunyai lebih banyak lesen untuk mudah alih, tapi masih terpulang kepada mereka untuk menawarkan perkhidmatan menggunakan talian tetap. Tugas kami hanya menyediakan perkhidmatan kepada mereka kerana untuk membangunkan infrastruktur seluruh negara memerlukan pelaburan besar dan masa panjang. Kami sudah memiliki infrastruktur dan kabel, maka ia lebih ekonomi untuk mereka menggunakan perkhidmatan TM.

S: Komuniti Ekonomi AASEAN (AEC) akan bermula tidak lama lagi, justeru bagaimana kedudukan TM dalam cabaran serantau.

J: Saya melihatnya daripada perspektif yang berbeza. Hari ini kami menyediakan perkhidmatan sambungan ke negara Asean. Kita ada rakan niaga seperti kami di negara masing-masing. Kerjasama ini akan terus menggalakkan lagi kerjasama antara pasaran Asia. Kami ingin bergerak lebih laju ke depan. Menerusi ACASIA, sebuah syarikat yang ditubuhkan hasil pakatan peserta telekomunikasi ASEAN membolehkan pelaksanaan kerjasama antara negara terbabit. Sehingga ini ACASIA sudah disertai oleh tujuh rakan niaga termasuk iaitu Kemboja, Vietnam, dan Brunei. ACASIA berpangkalan di bangunan TM ini. Syarikat ini ditubuhkan pada 1995, dan ketika itu saya masih bekerja sebagai pengurus muda. Kini ACASIA berada dalam kedudukan yang sangat tepat, disebabkan pelaksanaan AEC dan pasaran terbuka. Tujuannya adalah untuk mewujudkan infrastruktur cekap kos kepada pelanggan di negara yang menyertainya bagi melaksanakan perniagaan.

S: Adakah TM akan mengekalkan kekuatan pekerja sedia ada atau merancang menambah atau mengurangkannya.

J: Kami tidak menjadikan cabaran semasa sebagai alasan ini untuk mengurang atau menambah jumlah pekerja kami, tapi kami melihat keperluan untuk melonjakkan produktiviti. Menerusi permintaan supaya had bersara dinaikkan kepada 60 berbanding 55 tahun memang memberi kesan kepada operasi keseluruhan TM. Dulu kita ada proses semula jadi untuk menggantikan pekerja menjelang tempoh tamat perkhidmatan apabila jumlah pekerja bersara sekitar 800 sehingga 1,000 pekerja. Maka, kita laksanakan program MESRA, bergantung kepada jumlah tahun yang masih tinggal. Bagi yang kekal kita minta mereka tingkatkan produktiviti. Pusingan pertama membabitkan 900 pekerja dan kini kita akan laksanakan pusingan kedua. Kumpulan akan terus mendengar permintaan mereka. Kami dapati proses ini sangat selari dengan peralihan kumpulan kepada proses pendigitalan yang bakal selesai dalam tempoh setahun dua lagi. Menjelang tempoh itu kami yakin generasi baharu akan dapat menggantikan kedudukan yang (kakitangan) yang pencen. TM mungkin akan ambil pekerja tapi bukan jumlah yang sama dan mereka yang akan diambil adalah individu memiliki set kemahiran diperlukan dalam teknologi pada masa depan.

S: Apa yang menyebabkan Tan Sri terus bekerja keras dan berada di TM sepanjang masa ini selepas hampir 10 tahun.

J: Kerana tujuan yang lebih besar. Saya berada di TM selama lapan tahun sebelum menyertai syarikat multinasional. Saya membesar di sini dan 1997 saya tinggalkan syarikat ini ke peringkat antarabangsa. Pada 2005 saya kembali, 2008 saya ambil alih jawatan ini dan ia memulakan pusingan kedua di sini sehingga kini selama 10 tahun. Perkara yang buat saya terus bekerja keras adalah dengan melihat bagaimana kita bangunkan diri kita sendiri dalam keadaan syarikat. Bagaimana, satu ketika dulu kita bekerja di syarikat ini dan mengubahnya sehingga memberikan manfaat kepada pekerjanya yang bekerja keras untuk syarikat. Paling penting adalah membangunkan syarikat yang memberikan impak kepada seluruh rakyat Malaysia. Memang saya faham ada pengguna yang masih tidak berpuas hati dengan perkhidmatan kami, tapi secara keseluruhannya ia menunjukkan bagaimana kehadiran TM memberi kesan kepada kehidupan pengguna dan mengubah kehidupan rakyat Malaysia. Saya mengkaji kenapa TM sering mendapatkan tumpuan lebih syarikat telekomunikasi lain, kalau silap

sikit terus kena teguran besar-besaran. Kami menyimpulkan, ia berlaku kerana kedudukan kami yang sangat penting dalam kehidupan rakyat Malaysia. Kami berfikir kalau kami berjaya membuat yang lebih baik, ia akan membawa perubahan besar dalam kehidupan rakyat di Malaysia. Ini memberikan semangat kepada kakitangan. Harapan mereka (rakyat) terhadap kami terlalu tinggi.

S: Tan Sri dikenali dengan jolokan pakar transformasi berdasarkan kejayaan dalam syarikat ini. Apa komen Tan Sri.

A: Fokus tidak harus diberikan kepada transformasi itu sendiri. Transformasi adalah produk sampingan yang terhasil daripada tujuan yang lebih besar.

S: Adakah Tan Sri gembira dengan kedudukan TM sekarang.

J: Saya sangat bersyukur, ia lebih daripada apa yang saya impikan dan minta selama ini. Saya dikurniakan pasukan yang hebat di TM. Saya membesar di TM, maka saya dapat melihat perbezaannya. Saya percaya kepada pembangunan kepimpinan. Ia bukan sekadar keupayaan teknikal. Ia adalah hasil 25,600 pekerja yang menjayakan program transformasi TM. Sebelum pengasingan kakitangan TM lebih 30,000. Ia antara isu besar ketika itu.

S: Dari segi hartanah, adakah TM masih ada jumlah kawasan yang besar.

J: Pemilikan kawasan tanah kami ada dua jenis satu dimiliki bawah TM, dan satu lagi FLC. FLC yang kita tak guna kita pulangkan balik untuk kurangkan sewaan. Yang kami miliki sendiri pula akan dibangunkan secara bersama atau kita jual semula. Maka kami menstruktur aset dengan ketat supaya kumpulan memiliki aset yang berguna dan menjana sumbangan pendapatan sahaja.

S: Bagaimana sumbangan TM kepada agenda Bumiputera.

J: TM memang terkenal dalam agenda Bumiputera. Kita ada program pembangunan vendor yang menyeluruh. Tujuan kami adalah untuk membangunkan rakan niaga strategik bukannya hanya pengedaran. Untuk mencapainya memerlukan satu lagi transformasi bagi mewujudkan penyatupaduan. Perkara pertama kami lakukan dengan menukar panggilan kontraktor kepada rakan niaga. Masukkan mereka dalam ekosistem TM. Apabila kita anjurkan program 'teaming with passion' mereka akan diletakkan sebahagian daripada TM. Jadi bila mereka jumpa pelanggan, mereka akan bawa bendera TM bukan sekadar berharap kepada transaksi. Masalahnya dengan program vendor ini, apabila hampir semua enggan graduasi dan keluar daripada kepompong ke pasaran luar. Kita seharusnya membantu sehingga dia boleh bersaing dalam pasaran terbuka. Hanya sebilangan mereka yang berjaya dan tak memerlukan kami lagi. Mereka dapat bersaing di pasaran terbuka dan global.

S: Sebagai Pengerusi Program Transformation GLC (GLCT), boleh TM kongsi perancangan TM kepada program ini kelak.

J: Sebelum ini GLCT adalah program berstruktur dilaksanakan di bawah PCG dan ia meletakkan TM pada kedudukan memantau. Namun kini untuk bergerak ke depan, kita perlu menjadikannya lebih

bebas dan tidak berstruktur, seperti sebuah kelab macam yang diumumkan tempoh hari. Mungkin model perolehan, kepimpinan dan model berkaitan lain akan tetap dilaksanakan. Kita juga mahu tengok persamaan dalam kecenderungan semua peserta dan bagaimana kita boleh pertingkatkan ia kepada sebuah program. Struktur kelab juga akan lebih kepada terbuka bukan hanya kepada GLC sahaja, tetapi juga bukan GLC dan syarikat swasta kalau mereka ingin sertainya. Mungkin kita boleh jemput Petronas masuk. Mereka juga ada program yang mungkin boleh diterapkan dalam program ini. PROTON juga bukan GLC, namun menerusi kelab ini mereka pun boleh menyertainya, malah kalau syarikat swasta yang berminat turut dibenarkan. Kami masih belum merangka struktur kerana sebolehnya saya cuba mengurangkan kepentingan struktur ini. Menerusi program 10 tahun yang lalu dan struktur GLCT sebelum ini, kita sudah dapat idea bernas apa yang boleh kita lakukan kalau bergabung kekuatan.

S: Adakah dari dulu Tan Sri memang berminat untuk menjadi jurutera.

J: Masa dulu biasiswa bukan kita pilih pun, kalau masa sekolah rendah, mana nak tahu cabang mana yang minat sama ada doktor, peguam dan jurutera. Ia ditentukan berdasarkan keperluan negara untuk memiliki lebih ramai jurutera membangunkan agenda nasional kini.

S: Jika diimbau kembali, apakah saat paling mencabar Tan Sri dalam TM.

J: Rasanya paling mencabar ketika saya ambil alih jawatan Ketua Pegawai Eksekutif pada 2008. Kerana seperti yang selalu cakap saya adalah 'Accidental CEO' (Bidan Terjun). Saya rasa saya dipilih sebab tiada orang lain yang boleh dilantik dan mereka letak saya di sini. Keadaan masa itu pendapatan kami 70 peratus disumbangkan panggilan tetap, yang mana ia mencatatkan penurunan 20 peratus. Era jalur lebar belum bermula sepenuhnya, ditambah lagi HSBB yang diamanahkan kepada saya untuk dilaksanakan. Saya kena bertemu menteri dan perniagaan waktu itu saya tiada sesiapa yang boleh saya kongsi. Maka, saya kena tunjukkan muka berani. Kalau saya panik apa akan terjadi dengan 25,600 kakitangan TM ketika itu. Secara peribadi ia waktu yang paling sukar untuk saya. Saya perlu ubah keadaan syarikat. Budaya TM juga memerlukan perubahan. Semua berlaku serentak. Kerana itu ia sangat mencabar. Takkan lah, kita dah bidan terjun, takkan kita nak tinggalkan syarikat ini. Kita kena cari jalan bangkitkan kembali syarikat. Saya hampir tak rasa pun masa berlalu dengan cabaran kerana setiap hari kita berdepan cabaran baharu. Sedar tak sedar sudah tujuh tahun saya berjaya harungi tempoh transformasi syarikat dan kini semuanya akan bermula kembali kerana kita sampai pada titik transformasi kedua TM.

S: Pengalaman Tan Sri sangat bermakna bagi bagi usahawan yang sedang berhadapan dengan cabaran. Adakah Tan Sri menganggapnya sebagai sesuatu yang boleh dibanggakan dan diteladani.

J: Negara kita masih ramai usahawan yang berjaya. Pasti media pernah menemui mereka. Bagi TM kami masih bermula dan masih jauh perjalanan untuk menjayakan lantunan transformasi kedua.

12. MB minta SPRM siasat ketirisan ops bauksit

DATUK Seri Ahmad Razif Abd Rahman mengadakan lawatan kerja ke Felda Neram 1 di Chukai, hari ini. - Foto BERNAMA

CHUKAI: Menteri Besar minta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kemungkinan ketirisan dalam kalangan agensi penguat kuasa bauksit di negeri ini.

Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, walaupun banyak penguatkuasaan dilakukan terhadap operasi perlombongan dan pengangkutan bauksit, masalah berkaitan perlombongan itu masih lagi berlarutan.

"Malah, ada beberapa tempat simpanan sementara bauksit dikesan, di atas tanah milik kerajaan negeri.

"Saya hairan apabila penguatkuasaan dilakukan 24 jam namun masalah ini tak dapat diselesaikan.

"Kita tak pernah benarkan perlombongan bauksit di Terengganu. Mengapa tindakan tidak diambil oleh pegawai? Adakah mereka cuai dalam melakukan tugas penguatkuasaan?" katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Felda Neram 1 yang terjejas teruk akibat aktiviti bauksit, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, Ahmad Razif berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pegawai dan penguatkuasa yang tidak ada integriti dan menjadi tali barut pengusaha bauksit.

"Saya minta SPRM siasat serta tangkap mana-mana pegawai atau penguatkuasa yang terbabit ," katanya.

Beliau berkata, siasatan terperinci perlu dilakukan jika berlaku ketirisan maklumat operasi dan integriti penguatkuasa sama ada yang disogok wang oleh pengusaha bauksit.

"Kita tak boleh nak dakwa dan menahan pemandu lori bauksit jika mereka berada atas tanah persendirian, tetapi apabila kita lakukan operasi, mereka seakan dah tahu dan mereka tak keluar dari tanah milik mereka," katanya.

Ahmad Razif juga mahu Konsortium Perkapalan Kemaman Sdn Bhd (KPKSB) di bawah Terengganu Incorporated merujuk penasihat undang-undang bagi menghentikan operasi mengeksport bauksit dari Pelabuhan Kemaman.

"Saya minta KPKSB dan Terengganu Incorporated dapatkan nasihat undang-undang. Kalau boleh, esok pun kita nak tutup aktiviti bauksit melalui pelabuhan ini sebab ia menyusahkan banyak pihak terutama penduduk di daerah ini.

"Saya juga mahu Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Terengganu menghantar surat bantahan kepada PTG Pahang yang mengeluarkan surat membenarkan pengusaha bauksit melalui jalan di Felda Neram dari Bukit Goh, Pahang.

"Kita difahamkan ada satu surat dikeluarkan PTG Pahang yang membenarkan pengusaha bauksit ini melalui jalan berkenaan," katanya.

Beliau minta penguatkuasaan dan operasi bersepadu terus dilakukan oleh pihak berkuasa terutama polis, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat.

"Sekarang ini, kita difahamkan Kerajaan Pusat melalui keputusan Kabinet sudah keluar surat penangguhan terhadap pengusaha bauksit di Pahang selama tiga bulan bagi mengkaji semula sama ada perlombongan bauksit dibenarkan atau dihentikan," katanya.



Ahad, 27 Disember 2015

13. Kertas siasatan SRC, dana RM2.6b ke Peguam Negara minggu

PUTRAJAYA: Kertas siasatan berhubung kes SRC International dan dana RM2.6 bilion akan dikemukakan kepada Peguam Negara minggu depan.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pengarah Operasi Khas SPRM, Datuk Bahri Mohamad Zain dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Bahri juga sekali lagi menegaskan bahawa kes berkenaan akan dikendalikan SPRM dengan bebas dan profesional.

"Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed telah memberi panduan dan amanat supaya pasukan siasatan kes itu mesti merekodkan syor berkenaan hasil siasatan dengan bebas sama ada terdapat kes atau sebaliknya.

"Jika terdapat kes, menjadi tanggungjawab kami (SPRM) untuk mencadangkan pertuduhan dalam laporan Kertas Siasatan yang akan dikemukakan kepada Peguam Negara pada minggu depan. Begitu juga sebaliknya.

"Pengurusan tertinggi SPRM berpendirian perkara ini penting bagi memastikan semua pihak mengetahui yang SPRM telah mengambil segala tindakan secara profesional dan bebas," katanya.

Berhubung desakan Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli supaya SPRM mendedahkan penderma dana RM2.6 bilion ke akaun Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Bahri berkata, Akta SPRM 2009 tidak membolehkan badan itu memaklumkan butiran terperinci siasatan kepada umum.

"SPRM tiada masalah untuk mendedahkan butiran siasatan jika ia tidak bercanggah dengan undang-undang. Bagaimanapun peruntukan yang sedia ada tidak membenarkan SPRM berbuat demikian.

"SPRM berharap semua pihak faham akan perkara ini. Sebagai penggubal undang-undang, diharap YB Rafizi memahami kekangan ini dan mengesyorkan pindaan yang sewajarnya bagi membolehkan SPRM mendedahkan hasil siasatan kes yang disiasat secara terperinci kepada umum," katanya.

14. RM200 juta bangunkan industri tenusu negara

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (tiga dari kanan) ketika lawatan kerja sehari di ladang lembu tenusu Evergreen Livestock Sdn Bhd di Kampung Bomboi, Keningau. Hadir sama Pengarah Urusan Evergreen Livestock Sdn Bhd, Datuk Yap Yun Fook (dua dari kanan). - Foto Izhari Ariffin

KENINGAU: Kira-kira RM200 juta diperlukan untuk membangunkan industri tenusu negara khususnya bagi menambah jumlah lembu tenusu hingga mencapai 10,000 ekor dalam tempoh lima tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata sasaran itu bagi memastikan pengeluaran susu segar untuk menampung keperluan negara mencapai tahap sara diri iaitu kira-kira 30 juta liter setahun.

Ketika ini, katanya, jumlah pengeluaran susu segar tempatan masih kecil dan perlu ditampung menerusi susu import dengan jumlahnya mencapai kira-kira 20 juta liter setahun.

"Jika kita ada 10,000 lembu tenusu, ia mampu menghasilkan kira-kira 30 juta liter susu iaitu purata pengeluaran 3,000 liter susu bagi setiap lembu.

"Jumlah itu sudah melebihi import susu dari Australia, New Zealand dan beberapa negara lain ketika ini yang mencecah kira-kira 20 juta liter setahun," katanya kepada pemberita selepas melawat ladang lembu tenusu Evergreen Livestock Sdn Bhd di Kampung Bomboi, di sini, sebentar tadi.

Yang turut hadir ialah Pengarah Urusan Evergreen Livestock Sdn Bhd, Datuk Yap Yun Fook.

Ladang Evergreen adalah antara ladang ternakan lembu tenusu terbesar dan moden di Sabah dengan memiliki kira-kira 5,000 lembu dan kapasiti pengeluaran 8.5 juta liter susu segar setahun atau 29 peratus daripada jumlah susu segar dikeluarkan di Sabah dalam setahun.

Ahmad Shabery berkata, pihaknya akan membincangkan soal mendapatkan peruntukan untuk mencapai sasaran itu dan penyediaan kemudahan infrastruktur berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

"Jika kita mahu membangunkan industri tenusu dan menggalakkan rakyat minum susu segar, kerajaan perlu melabur untuk meningkatkan pengeluaran sedia ada," katanya.

Beliau berkata, ada tiga mekanisme perlu diberi perhatian untuk mencapai tahap sara diri pengeluaran susu dalam masa lima tahun iaitu komitmen kerajaan, model penternakan yang digunakan dan jumlah penternak.



Rabu, 30 Disember 2015

15. KWAP cadang jual bangunan di London RM1.72 bilion

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) merancang menjual salah sebuah hartanah miliknya di tengah London iaitu bangunan pejabat di 88 Wood Street pada harga 270 juta pound (RM1.72 bilion).

Cadangan penjualan oleh pengurus dana pencen kedua terbesar di Malaysia itu sejajar dengan saranan kerajaan supaya firma pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) membawa pulang dana ke Malaysia dalam usaha menyokong nilai mata wang dan pasaran modal tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Wan Kamaruzaman Wan Ahmad dalam satu temubual dengan Bloomberg, berkata pengurus dana persaraan itu ketika ini sedang memuktamadkan perjanjian untuk melupuskan bangunan pejabat di 88 Wood Street di London yang dibeli pada tahun 2013 dengan harga 215 juta pound (RM1.37 bilion).

Selain meraih harga jualan lebih tinggi, pengurus dana pencen itu juga akan mendapat manfaat daripada peningkatan mata wang pound berbanding ringgit sejak dua tahun lalu.



Khamis, 31 Disember 2015

16. 1MDB atasi cabaran terbesar - PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, 1MDB sudah mengatasi cabaran terbesarnya menerusi pengurangan hutang dalam tempoh enam bulan seperti dijanjikan. Tegas Perdana Menteri, penjualan 60 peratus ekuiti syarikat pelaburan strategik negara kerajaan itu dalam Bandar Malaysia seperti yang diumumkan semalam, menyaksikan penyusutan hutang sebanyak RM7.1 bilion. "Jun lalu, saya ada menyebut cabaran dihadapi 1MDB akan diselesaikan menjelang hujung tahun. "Dengan bangganya saya ingin mengesahkan bahawa bermula hari ini, syarikat itu bersetuju dengan perjanjian yang bakal mengurangkan hutangnya sebanyak RM40.4 bilion. Jumlah ini mewakili sebahagian besar daripada hutang 1MDB.

"Perjanjian terbaru membabitkan penjualan 60 peratus ekuiti dalam Bandar Malaysia kepada sebuah konsortium tempatan dan antarabangsa - merangkumi 60 peratus kepentingan Iskandar Waterfront Holdings dan 40 peratus China Railway Engineering Corporation - yang diumumkan pada 31 Disember (hari ini) dengan sendirinya mengurangkan hutang sebanyak RM7.1 bilion," katanya dalam perutusan Tahun Baharu 2016, hari ini. Najib berkata, apa yang tinggal kini ialah bagi perjanjian itu dimuktamadkan dan langkah akhir program rasionalisasi 1MDB dilengkapkan.

17. 1MDB selesaikan pelan rasionalisasi dalam tempoh dijanji - Arul

KUALA LUMPUR: Syarikat pelaburan strategik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd (1MDB), telah menyelesaikan pelan rasionalisasinya dalam tempoh enam bulan seperti dijanjikan, berikutan penjualan 60 peratus pegangan dalam Bandar Malaysia, hari ini. Presiden/Pengarah Eksekutif Kumpulannya, Arul Kanda Kandasamy, berkata pelan yang dikemukakan kepada Kabinet pada Mei 2015 itu, mempunyai tiga komponen utama termasuk melibatkan Bandar Malaysia.

"Kita akhirnya mencapai bahagian akhir iaitu pegangan 1MDB dalam Bandar Malaysia yang membabitkan jumlah pengurangan nilai hutang sehingga RM12.35 bilion," katanya pada sidang media di sini, hari ini. Beliau sebelum itu mewakili 1MDB pada majlis menandatangani perjanjian jual beli saham bagi penjualan pegangan 60 peratus dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd pada harga RM7.41 bilion, kepada konsortium disertai Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd dan China Railway Engineering Corp (M) Sdn Bhd. Mengenai hasil jualan berkenaan, Arul Kanda bagaimanapun enggan mengulas sama ada ia akan dikekalkan sebagai milik 1MDB atau sebaliknya disalurkan kepada Kementerian Kewangan (MoF).

Beliau sebaliknya menjelaskan, sejajar pelan rasionalisasi membabitkan Bandar Malaysia, ada pertimbangan untuk memindahkan pemilikan baki pegangan 40 peratus aset itu kepada MoF. "Tiada sebarang keputusan muktamad mengenainya pada masa ini. Bagaimanapun, ia adalah satu pilihan yang disenaraikan dalam pelan rasionalisasi berkenaan," katanya. Selain itu, katanya, sejajar dengan pelan rasionalisasi berkenaan, ada perbincangan bahawa aset lain 1MDB iaitu Tun Razak Exchange dan Edra Global Energy secara mutlaknya menjadi syarikat sendiri.

Pelan itu turut membabitkan dua lagi komponen utama yang disenaraikan - pertukaran hutang aset dengan syarikat Dubai iaitu International Petroleum Investment Co menerusi lembaran perjanjian pada nilai RM16 bilion serta penjualan Edra bagi ekuiti tunai dan pemindahan hutang bernilai RM17.3 bilion. Setakat 31 Mac, 2014, hutang 1MDB adalah sebanyak RM42 bilion mengikut akaun kewangannya yang diaudit. - BERNAMA

18. 1MDB jual 60 peratus ekuiti Bandar Malaysia

PRESIDEN dan Pengarah Kumpulan Eksekutif 1MDB, Arul Kanda. - Foto Yazit Razali

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Berhad (1MDB), hari ini melaksanakan Perjanjian Jual Beli Saham dengan menjual 60 peratus ekuiti Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) kepada Konsortium Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd (IWH) dan China Railway Engineering Corporation (M) Sdn Bhd (CREC).

Presiden dan Pengarah Kumpulan Eksekutif 1MDB, Arul Kanda, berkata konsortium yang dikenali sebagai IWH-CREC Sdn Bhd adalah hasil usahasama 60:40 antara IWH an CREC.

"IWH yang juga pemaju utama bagi bahagian Flagship A Koridor Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Iskandar adalah perkongsian awam-swasta antara Credence Resource Sdn Bhd (60 peratus) dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn Bhd (40 peratus), yang dimiliki oleh kerajaan negeri Johor.

"Konsortium terbabit menilai penuh 100 peratus tanah Bandar Malaysia pada harga RM12.35 bilion. Nilai bersamaan 60 peratus tanah adalah RM7.41 bilion dan 1MDB dan menerima deposit 10 peratus atau RM741 juta selepas pelaksanaan perjanjian.

"Urus niaga transaksi ini dijangka lengkap menjelang hujung Jun tahun depan," katanya pada majlis menandatangani perjanjian urus niaga, di sini, sebentar tadi.

Turut menyaksikan majlis terbabit, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.